

Anak muda ceburi dunia perfileman

UB 1.12.2019 17

KOTA KINABALU: Sudah tidak asing lagi untuk anak muda masa kini menceburi bidang perfileman di Malaysia.

Setiap tahun, pasti akan ada terbit beberapa filem yang dihasilkan oleh anak-anak muda dari pelbagai genre.

Dengan adanya penerbitan filem-filem pecah panggung daripada nama-nama besar dalam industri perfileman kita, anak muda akan mendapat inspirasi dengan mengambil inisiatif untuk mencuba menghasilkan filem sendiri.

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara kita turut tidak ketinggalan bekerjasama dalam membantu anak muda untuk belajar dan mendalami pengetahuan tentang dunia perfileman.

Kerajaan berusaha untuk menyediakan peluang pendidikan kepada anak muda agar mereka berpeluang untuk mendalami bidang hiburan dan sekaligus membantu dari segi peluang pekerjaan yang baik di in-

dustri tersebut.

Universiti Malaysia Sabah merupakan antara Universiti yang menawarkan kursus Seni Kreatif yang menjurus kepada industri perfileman.

Pelajar yang mengambil kursus ini akan didedahkan dengan pengurusan produksi dan pembikinan filem.

Pada tahun ini, antara produksi yang telah ditubuhkan ialah produksi CrackOne.

Produksi ini ditubuhkan pada 16 Mei 2019 di Universiti Malaysia Sabah.

CrackOne production akan membawa filem pendek bergenre Thriller iaitu "ILUSI" yang skripnya ditulis sepenuhnya oleh Nurul Amira Rohazat iaitu salah seorang kru produksi ini.

"Saya menulis skrip filem Ilusi adalah berdasarkan pengamatan saya sendiri dan saya juga ada melihat filem-filem di Malaysia sebagai rujukan untuk mengembangkan konsep filem Ilusi agar mudah difahami oleh masyarakat".

Filem pendek Ilusi berbesar tentang kehidupan seorang pemuda yang baru sahaja berkecimpung dalam dunia penulisan.

Zaim iaitu watak utama dalam filem ini cuba mencari hala tuju hidupnya namun muncul bisikan suara yang muncul dalam kehidupannya.

Sejak itu, kehidupan Zaim menjadi tidak tenang dan dia cuba merungkaikan misteri suara yang menghantuinya.

Filem Ilusi akan memaparkan keistimewaan tentang kepentingan komunikasi antara keluarga dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Orang ramai yang akan datang menyaksikan filem Ilusi akan mendapati filem ini sarat dengan mesej kemasyarakatan yang sedang atau sering dihadapi oleh masyarakat akhir-akhir ini.

Menurut Cik Syierah Fathiah, penghasilan filem Ilusi bukan sekadar filem untuk menghiburkan tetapi Ilusi akan menjadi sebuah

filem yang akan mendidik masyarakat berkenaan dengan isu kemasyarakatan.

"Orang ramai akan dapat melihat isu yang dibangkitkan dalam lakonan yang dibawa iaitu isu kesihatan mental yang sering dipandang remeh oleh masyarakat sekeliling dan isu tentang penindasan masyarakat sehingga kesalahan kecil boleh membawa kepada perlakuan melampaui batas sehingga boleh melibatkan pembunuhan".

Menurut beliau lagi, mereka menghadapi cabaran dalam menghasilkan filem ini.

Hal ini kerana produksi perlu menyiapkan filem tersebut mengikut masa yang telah ditetapkan.

Masa yang diperuntukan dalam menghasilkan filem pendek ini adalah selama lima bulan sahaja.

Beliau turut mengatakan bahawa pencarian tempat yang sesuai untuk menjalankan penggambaran mengikut kehendak skrip adalah cabaran paling utama

yang perlu dihadapi oleh produksi CrackOne.


Filem Ilusi akan dijangka siap pada penghujung bulan November dan akan mula ditayangkan pada bulan Disember 2019.

Dengan terhasilnya filem pendek Ilusi, diharapkan orang ramai dapat menyokong hasil anak-anak muda ini dan terus memberikan peluang kepada mereka untuk terus mewarnai industri perfileman secara berterusan.

Orang ramai yang ingin datang untuk menyaksikan filem Ilusi, filem ini akan mula ditayangkan pada 11, 12 dan 13 Disember 2019 di Theatre Ahmad Nisfu, Blok Seni, Universiti Malaysia Sabah.

Tiket untuk masuk ke tayangan filem Ilusi akan mula dijual pada 22 November 2019 dengan harga serendah RM3.00 sahaja.

Orang ramai yang ingin mendapatkan tiket filem Ilusi boleh menghubungi Cik Esther Ena Dania di nombor (0128652982).



FOKUS: Penggambaran filem pendek 'Ilusi'.